

**DAP Terbuka Terhadap Cadangan Perwakilan Cina Dalam Kerajaan - Kit Siang Bernama
9 May, 2013**

KUALA LUMPUR, 9 Mei (Bernama) -- DAP terbuka kepada syor dan cadangan mengenai keperluan perwakilan Cina dalam kerajaan dan akan memberi respons kepada perkara itu kemudian, kata penasihatnya Lim Kit Siang Khamis.

"Kelihatannya terdapat banyak syor dan pendapat baharu. Ini merupakan masa untuk meneliti cadangan dan syor itu, dan kami akan memberikan reaksi sewajarnya.

"Kami (akan) beri masa kepada mereka untuk mengemukakan semua cadangan," katanya pada sidang akhbar di Kuala Lumpur semasa diminta mengulas gesaan agar DAP menyertai Barisan Nasional (BN) untuk memastikan ada perwakilan Cina dalam kerajaan.

Bekas Menteri Penerangan Tan Sri Zainuddin Maidin berkata Rabu bahawa langkah itu pasti sukar diterima oleh DAP dan BN serta penyokong masing-masing tetapi perlu dilakukan demi keharmonian dan kestabilan politik negara.

Anggota Jawatankuasa Pusat MCA Datuk Seri Ong Ka Chuan dalam temuramah dengan akhbar Sin Chew Rabu juga berkata DAP boleh mewakili kepentingan masyarakat Cina di peringkat kerajaan persekutuan.

Lim berkata: "Biar mereka kemukakan semua cadangan, kemudian kami akan beri respons."

"Kami akan tunggu dan lihat," katanya ketika diminta mengulas lanjut mengenai perkara itu.

BN membentuk kerajaan persekutuan selepas memenangi 133 kerusi Parlimen manakala pakatan rakyat 89 dalam pilihan raya umum ke-13 Ahad lalu.

Najib mengangkat sumpah jawatan Perdana Menteri di hadapan Yang di-Pertuan Agong Isnin lalu dengan ketiadaan wakil kaum Cina dalam kabinetnya yang bakal dibentuk.

Ini kerana pucuk pimpinan MCA, yang memenangi tujuh daripada 37 kerusi ditandingi parti komponen BN itu, memutuskan tidak mahu menganggotai jemaah menteri baharu Najib.

Sebuah lagi parti dominan kaum Cina dalam BN, iaitu Gerakan juga ditolak pengundi Cina dengan hanya memenangi satu kerusi Parlimen sahaja.

--BERNAMA

Copyright © 2013 BERNAMA

Source: <http://www.bernama.com/bernama/v7/bm/newsindex.php?id=948683>